

Headline	Meter digital tak lonjak bil elektrik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	34	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	185 cm ²
Journalist	Ainul Fatimah Mansor	AdValue	RM 6,806
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,418



Meter digital tak lonjak bil elektrik

■ Suruhanjaya Tenaga bidas dakwaan tidak berasas

Oleh Ainul Fatimah Mansor
am@mediaprima.com.my



Suruhanjaya Tenaga (ST) menafikan dakwaan segelintir pihak yang mendakwa berlaku peningkatan bil elektrik selepas meter elektromekanikal ditukar kepada meter digital.

Pengarah Penguatkuasaan Dan Penyelarasan Kawasannya, Ir Othman Omar berkata,

dakwaan itu tidak benar kerana pihaknya sentiasa mengambil langkah memperkukuhkan proses pengujian dan penentusahan meter elektrik sejak awal tahun lalu.

“Ketika ini, sebanyak

7.8 juta meter TNB terpasang di premis pengguna, dengan 3.8 juta daripadanya adalah meter elektromekanikal manakala empat juta pula adalah meter jenis digital.

“Kami menyedari laporan media akhir-akhir ini mengenai isu peningkatan bil elektrik dihadapi pengguna termasuk

ada yang memperhatikan ketidaktepatan bacaan meter elektrik

jenis digital yang digunakan itu,” katanya pada sidang media mengenai gambaran sebenar mengenai kejituan pembacaan meter elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif ST, Datuk Ahmad Fauzi Hassan.

Katanya, pihaknya mendapati penggunaan meter digital itu sangat tepat dan mempunyai kelebihan berbanding meter lama yang digunakan sebelum ini.

Othman berkata, meter digital itu bukan sahaja dapat menyimpan maklumat berbanding meter elektromekanikal, malah ia sudah banyak digunakan di beberapa negara maju.

Kami sentiasa mengambil langkah memperkukuhkan proses pengujian dan penentusahan IR Othman Omar